



LAPORAN HARIAN STATUS KEJADIAN RABIES DI SARAWAK

21 OKTOBER 2017

1. DVS Sarawak telah menerima aduan dari KKM berkaitan kejadian kes rabies pada 30 Jun 2017 di mana 3 kes disahkan pada manusia di Serian Sarawak (1 kes di Kg Lebor dan 2 kes di Kg Paon Rimau Bakung).
2. Tiada penemuan kes rabies positif baharu dikesan oleh pihak VRI, Ipoh. Jumlah keseluruhan kes positif kekal sebanyak 49 kes dari 260 sampel yang telah diuji. Ini melibatkan lokasi kes positif sebanyak 25 kampung dari 3 Bahagian di Sarawak iaitu Serian, Sri Aman dan Kuching.
3. Status terkini tindakan dan aktiviti DVS pada **20 Oktober 2017** adalah sebagaimana berikut:
 - a. Operasi pemantauan pasif dan aktif pada haiwan telah dilakukan dalam lingkungan 10km dari lokasi yang disahkan rabies dengan jumlah 150 ekor anjing dan telah diperiksa.
 - b. Operasi pemvaksinan telah dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang telah disahkan rabies dengan jumlah sebanyak 137 ekor anjing telah divaksin.
 - c. Sebanyak 2 ekor anjing telah dimusnahkan dalam operasi pemusnahan yang dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies.
 - d. Aktiviti kempen kesedaran telah dijalankan di dalam 10 km radius dari kawasan yang telah disahkan rabies dengan penyertaan sebanyak 46 orang penduduk.
4. Secara keseluruhan sehingga **20 Oktober 2017**
 - a. Pemantauan pasif dan aktif di dalam lingkungan 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies dengan bilangan sebanyak 47,026 ekor haiwan (36,744 ekor anjing dan 10,282 ekor kucing) telah diperiksa.
 - b. Jumlah haiwan yang telah divaksin adalah sebanyak 39,888 ekor (31,984 ekor anjing dan 7,904 ekor kucing).

- c. Jumlah haiwan yang telah dimusnah sebanyak 1,100 ekor anjing dan 40 ekor kucing (disyaki Rabies).
 - d. Jumlah penyertaan dalam kempen kesedaran awam rabies adalah sebanyak 36,157 orang penduduk.
5. Sehingga kini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan sebanyak 25 kawasan jangkitan wabak rabies iaitu 20 di Serian, 1 di Sri Aman dan 4 di Kuching telah diwartakan sebagai kawasan jangkitan.
 6. Seramai 50 orang petugas DVS telah digerakkan untuk tindakan aktiviti kawalan rabies.
 7. Jumlah keseluruhan sebanyak 260 sampel kepala haiwan (anjing dan kucing) yang disyaki rabies telah diambil dan diuji oleh VRI.

Disediakan:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

21 Oktober 2017.